

05/05/2002

Singapura perlu tolak ansur: PM

SHAH ALAM: Malaysia memang mahu menyelesaikan segera isu-isu tertangguh dalam hubungan dua hala dengan Singapura, tetapi republik itu perlu mempunyai sikap bertolak ansur, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penyelesaian tidak akan tercapai sekiranya Singapura tidak dapat menerima hak dan syarat yang ditetapkan negara ini dalam semua pakej rundingan bagi isu berkaitan.

"Kita boleh selesaikan tetapi kena ada tolak ansurlah.... Kalau nak selesai dengan menyetujui syarat orang lain saja, susah nak selesai kerana kita mempunyai hak dan kita betul.

"Ini kena terimalah tetapi apa pun, kita akan rundingkan perkara ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Hari Pekerja 2002 anjuran Kementerian Sumber Manusia, di Stadium Melawati di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong kelmarin yang menyatakan hasrat Singapura untuk menyelesaikan segera isu-isu hubungan dua hala dengan Malaysia bagi membolehkan kedua-dua negara dapat bekerjasama dalam menangani masalah yang melanda rantau ini.

Goh berkata, beliau sudah menyenaraikan beberapa tarikh untuk mengadakan pertemuan dengan Malaysia dan kini menanti maklum balas daripada Kuala Lumpur.

Pertemuan itu jika diadakan akan merangkumi perbincangan isu-isu tertangguh seperti kajian semula harga yang akan dibayar Singapura untuk membeli air dari negara ini.

Ditanya sama ada Dr Mahathir berhasrat mengadakan pertemuan berkenaan, beliau berkata: "Pada masa ini, tak ada kerana kita nak bagi peringkat pegawai berjumpa dulu. Lepas itu, baru pihak menteri (luar) atau Perdana Menteri berjumpa."

Mengenai nota bantahan Malaysia yang didakwa tidak mempunyai butiran terperinci kesan kerja-kerja menambak republik itu, Dr Mahathir berkata, Kuala Lumpur sedia memberi segala butiran lanjut yang diperlukan.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia juga ingin mendapatkan kajian Singapura terutama laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) terhadap kerja-kerja penambakan laut yang dijalankan republik itu.

"Tak ada butiran lanjut, kita boleh bagi tetapi kita juga nak tahu dia (Singapura) punya kajian. Tentu dia buat kajian EIA, kita pun nak tahu juga dan jangan sebelah pihak saja (yang bagi kajian)," katanya.

Menteri Luar Singapura, S Jayakumar memberitahu Parlimennya kelmarin bahawa Singapura menerima nota bantahan Malaysia mengenai projek penambakan laut, tetapi mendakwa nota itu tidak mempunyai fakta terperinci.

Dr Mahathir turut menegaskan bahawa Kuala Lumpur juga belum menerima sebarang maklum balas secara rasmi dari Singapura mengenai nota bantahan berkenaan.

(END)